



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK  
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,  
JALAN SIMPANG TIGA,  
93592 KUCHING,  
SARAWAK.

Telefon : 082-421333/421755/425154 (Pejabat AM)

Faks : 082-424489

E-mel : [pmswk@treasury.gov.my](mailto:pmswk@treasury.gov.my)

Laman Web : <http://pmsarawak.treasury.gov.my>

Ruj.Kami : PKP(S)124-1/6 Jld.5 ( 10 )

Tarikh : 30 April 2015  
10 Rejab 1436H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
**SARAWAK**

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
**SARAWAK**

Tuan,

**SURAT PEKELILING KONTRAK  
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 1 TAHUN 2015**

**Kontrak Pusat Bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B'), Badan Berkanun Persekutuan Bagi Negeri Sarawak Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2015 Hingga 2018**

**1. PERIHAL**

1.1 Dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) telah mewujudkan Kontrak Pusat bagi Membekal dan Menghantar Daging Ayam (Halal) kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A' & 'B'), Badan Berkanun Persekutuan Dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Negeri Sarawak Bagi Tahun 2015 sehingga 2018.

**2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK**

2.1 Butir-butir kontraktor dan nombor kontrak adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA / ALAMAT KONTRAKTOR / NO. TELEFON / FAX & NOMBOR KONTRAK	ALAMAT / NO. AKAUN BANK
1.	<p>Comerich Sdn. Bhd. (263183-P), Lot B7-2-6 &amp; B7-2-7 City Bridge Commercial Centre Jalan Utama 93450 KUCHING, SARAWAK</p> <p>Tel : 082-332159/332160 Fax : 082-334162</p> <p><u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2015-01</p>	<p><u>Bank</u> Malayan Banking Bhd Lot 250-253, Jalan Tunku Abdul Rahman, 93100 Kuching.</p> <p><u>No. Akaun</u> 011038-42239-7</p>
2.	<p>Mahasal Sdn. Bhd. ( 953526-U), Lot 382, Block No. 3 Sg Meradong Bintangor, 96508 SARIKEI, SARAWAK</p> <p>Tel : 084-691032 Fax : 084-691171</p> <p><u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2015-02</p>	<p><u>Bank</u> Public Islamic Bank Bintangor Branch Lot No. 1585 &amp; 1586, Jalan Kelupu, 96500 BINTAGOR, SARAWAK</p> <p><u>No. Akaun</u> 3988902234</p>

### 3. TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak ialah selama tiga (3) tahun berkuatkuasa mulai 1 Mei 2015 sehingga 30 April 2018.

### 4. HARGA

4.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih bagi satu kilogram (1kg) termasuk semua cukai serta kos pembungkusan dan penghantaran ke tempat-tempat yang berkaitan.

... 4.2 Penetapan harga ditentukan mengikut kawasan. Harga dan Kawasan untuk bekalan adalah seperti di **Jadual I**.

## 5. PENENTUAN

- ... 5.1 Untuk tempoh kontrak ini, bekalan daging ayam (halal) hendaklah mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam **Jadual II**. PMS akan sentiasa mengawasi mutu bekalan oleh syarikat pembekal dari semasa ke semasa.

## 6. TEMPOH PENYERAHAN

- 6.1 Tempoh penyerahan ialah empat puluh lapan (48) jam dari tarikh pesanan rasmi dikeluarkan.
- 6.2 Jabatan Kerajaan dibenarkan membuat pindaan kepada tempoh penyerahan ini kepada suatu tempoh yang lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
  - 6.2.1 Persetujuan pindaan ini dibuat secara bertulis oleh Pegawai Kewangan Persekutuan atau wakilnya dengan kontraktor.
  - 6.2.2 Pindaan tersebut dimaklumkan kepada PMS sebelum barang tersebut diserahkan.
  - 6.2.3 Jabatan berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pesanan yang dibuat di bawah peruntukan ini.
- 6.3 Barang-barang yang diserahkan oleh kontraktor pada masa dan tarikh yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan tidak boleh ditolak tanpa arahan secara bertulis daripada pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan dibuat secara *'ad hoc'* tanpa memberitahu terlebih dahulu kepada kontraktor, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan termasuk menanggung segala tuntutan gantirugi oleh kontraktor berhubung dengan perkara ini. Sebarang penangguhan atau pindaan kepada tarikh penyerahan hendaklah dibuat secara bertulis dan sesalinan notis tersebut dihantar kepada PMS dan Unit yang membuat bayaran di Jabatan-Jabatan berkenaan.
- 6.4 Sekiranya Jabatan pemesan telah mematuhi 8.1 dan 9.4 tetapi kontraktor gagal membekal dalam tempoh penyerahan; Jabatan pengguna boleh membeli dari punca-punca lain dengan kebenaran bertulis dari PMS terlebih dahulu jika terdapat keperluan segera. Perkara pembelian tersebut hendaklah dilaporkan dengan serta merta ke PMS dengan menyertakan sekali Pesanan Tempatan dan invois/bil yang berkaitan.
- 6.5 Sebarang pesanan yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor mengikut tempoh penyerahan dan pembelian dari punca-punca lain telah dibuat, Jabatan pemesan hendaklah melaporkan dengan segera kepada PMS dengan menyatakan nombor kontrak, nombor pesanan tempatan, tarikh, kuantiti dan nilai pesanan berkenaan. Sekiranya pesanan tersebut telah diterima sila juga nyatakan tarikh penerimaannya.

## **7. PESANAN MINIMA**

- 7.1 Pesanan minima bagi tiap-tiap satu pesanan untuk satu destinasi tidak dihadkan. Walau bagaimanapun, pesanan hendaklah tidak terlalu sedikit yang boleh mendatangkan masalah dan merugikan kontraktor.

## **8. ANGGARAN KEPERLUAN**

- 8.1 Semua Jabatan pemesan dikehendaki menghantar jadual anggaran serta jangkamasa keperluan bagi tahun berkenaan kepada kontraktor dengan segera untuk memudahkan/membolehkan kontraktor membuat perancangan pembekalan sebagaimana yang dikehendaki. Satu salinan jadual berkenaan hendaklah dipanjangkan kepada PMS.
- 8.2 Sekiranya Jabatan pemesan tidak mematuhi arahan dalam perenggan 8.1 dan 9.4, kontraktor berkenaan tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan bekalan kelak.

## **9. PESANAN**

- 9.1 Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada kontraktor dengan mencatatkan nombor kontrak, jenis barang dan kuantiti keperluan. Pesanan terakhir oleh Jabatan mestilah dibuat tidak lewat dari tiga (3) minggu sebelum tarikh tamat kontrak.
- 9.2 Keperluan yang terlalu banyak janganlah diminta melalui satu pesanan sahaja tetapi hendaklah dipecah-pecahkan kepada beberapa pesanan. Pesanan-pesanan itu pula hendaklah dijarakkan tempohnya mengikut jangkamasa yang munasabah. Ini akan memudahkan kontraktor membuat bekalan dan seterusnya memudahkan Jabatan pemesan membuat bayaran bagi pesanan-pesanan berkenaan.
- 9.3 Bagi Jabatan pemesan di kawasan pedalaman, sekiranya keperluan pesanan kecil adalah dinasihatkan supaya jabatan membuat satu pesanan untuk keperluan bagi tempoh dua (2) minggu sekali supaya jumlah bekalan itu memadai dan senang untuk dilaksanakan oleh kontraktor.
- 9.4 Jabatan pemesan dikehendaki memberi alamat yang lengkap serta nama pegawai dan nombor telefon masing-masing kepada kontraktor supaya pembekalan dapat dijalankan dengan licin dan tepat pada tempat yang dikehendaki.

## **10. PEMBUNGKUSAN**

10.1 Semua ayam daging bersih yang dipesan akan dibungkus dengan sempurna bagi melindungi daripada sebarang kerosakan atau kehilangan. Apa-apa kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh pembungkusan yang tidak sempurna, kontraktor hendaklah diminta mengganti dengan bekalan baru dalam tempoh tujuh (7) hari tanpa apa-apa tambahan kos.

## **11. PEMERIKSAAN**

11.1 Jabatan pemesan hendaklah memeriksa ayam daging bersih yang diterima untuk memastikan bahawa jenis dan jumlah ayam daging bersih yang dibekalkan itu sama seperti yang dipesan. Jika terdapat perbezaan, kontraktor hendaklah diminta segera mengatasi masalah tersebut tanpa apa-apa tambahan kos.

11.2 Semua daging ayam yang dibekalkan mestilah berada di dalam keadaan baik. Daging ayam yang didapati rendah mutu semasa penerimaan hendaklah ditolak dan kontraktor diminta mengganti dengan bekalan baru tanpa apa-apa tambahan kos. Penolakan ini hendaklah dibuat serta merta dan secara bertulis dan disalinkan kepada PMS.

## **12. KAWALAN KUALITI**

12.1 Jika terdapat apa-apa keraguan tentang kualiti daging ayam disebabkan kerosakan pembungkusan, Jabatan pemesan hendaklah meminta kontraktor menggantikan daging ayam yang diragui kuantitinya dengan bekalan baru tanpa apa-apa kos tambahan. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dengan salinan kepada Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, Perbendaharaan Malaysia Sarawak pada hari penolakan itu dibuat. Kontraktor mestilah menggantikan daging ayam tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

---

## **13. TEMPOH AKHIR PENGADUAN**

---

13.1 Jabatan pengguna hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kontrak ini dengan serta-merta dan tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh tamat kontrak. PMS tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit akibat dari kegagalan Jabatan mematuhi arahan ini.

---

---

---

## **14. PEMBAYARAN BIL**

- 14.1 Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.
- 14.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus kepada kontraktor.
- 14.3 Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh **empat belas (14) hari dari tarikh tuntutan (bil) itu diterima.**
- 14.4 Walau apapun peraturan atau tatacara penerimaan barang-barang yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera. Jabatan tidak perlu menunggu laporan ujian Jabatan Penguji untuk membuat bayaran.

## **15. PENGGUNAAN KONTRAK**

- 15.1 Semua Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dan Agensi-Agensi yang berkenaan di bawah kelolaan masing-masing hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, Perbendaharaan Malaysia Sarawak.
- 15.2 Penentuan dalam kontrak ini adalah penentuan gunasama pelbagai Jabatan. Sekiranya penentuan itu tidak sesuai dengan keperluan Jabatan Pengguna, sila kemukakan penentuan yang diperlukan, dengan menyatakan perbezaan dari penentuan kontrak ini serta justifikasi mengapa perbezaan itu perlu.
- 15.3 PMS seterusnya akan menimbangankan pengecualian daripada menggunakan Kontrak Pusat dan perolehan melalui tatacara lain.

---

## **16. HAL-HAL LAIN**

- 16.1 Sekiranya terdapat sebarang aduan terhadap kontrak ini, pihak tuan kemukakan aduan tersebut dengan menggunakan Lampiran 8.1 – Borang KKM-BA(2010).
- 16.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kontrak ini, Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no. 082-421333 dan emel :-

(i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi - Sambungan 500  
Emel : arfahiza.junaidi@treasury.gov.my

(ii) Puan Krismawati Binti Esen - Sambungan 501  
Emel : krismawati.esen@treasury.gov.my


(iii) Unit Perolehan - Sambungan 502

Sekian, terima kasih.

**"Sentiasa Mesra, Teliti Dan Cepat "**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)**


Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,  
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

s.k.: Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kuching.  
Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman.  
Jabatan Akauntan Negara, Sarikei.  
Jabatan Akauntan Negara, Sibul.  
Jabatan Akauntan Negara, Kapit.  
Jabatan Akauntan Negara, Bintulu.  
Jabatan Akauntan Negara, Miri.  
Jabatan Akauntan Negara, Limbang.

**JADUAL I**

**HARGA KONTRAK MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DAGING AYAM (HALAL)  
KE SEMUA JABATAN PERSEKUTUAN (TERMASUK SEKOLAH KATEGORI 'A' &  
'B') BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI NEGERI SARAWAK DAN  
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) SELURUH SARAWAK TAHUN 2015 -  
2018**

Bil.	Kawasan	Harga 1 Kilogram Ayam Daging (Halal) [Tanpa Kepala, Kaki, Hati dan Hempedal]	
		Jabatan/ Agensi / ATM / Sekolah Kategori 'A' (RM)	Sekolah Kategori 'B' (RM)
1	Kuching	9.60	10.20
2	Samarahan	9.60	10.20
3	Sri Aman	9.90	10.90
4	Betong	9.90	10.90
5	Sarikei	10.00	10.60
6	Sibu/Kanowit	10.00	10.90
7	Mukah/Dalat	10.00	10.90
8	Kapit	11.70	11.90
9	Song	11.70	11.90
10	Bintulu	10.30	11.20
11	Miri/Bakong/Bekenu/Subis	10.30	10.90
12	Limbang/Lawas	12.50	13.50
13	Marudi/Baram	12.50	13.50





## JADUAL II

### SPESIFIKASI AYAM BERSIH *SUPER* (HALAL)

1. Kontraktor/Pembekal hendaklah memastikan bahawa ayam-ayam tersebut telah disembelih dan diproses dengan cara yang bersih dan mengikut peraturan Agama Islam dan mendapat Sijil Pengesahan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).
2. Rumah penyembelihan wajib dimiliki oleh syarikat Bumiputera Islam dan mendapat status Sijil Pengesahan Halal daripada JAKIM atau MAIN.
3. Ayam bersih hendaklah dibekalkan tanpa kepala, kaki, leher dan perut (usus).
4. Berat ayam selepas disembelih dan dibersihkan tidak kurang dari 1.1 kg hingga 1.5 kg.
5. Semua ayam bersih *super* dibekalkan hendaklah daripada jenis-jenis seperti berikut :
  - 5.1 Segar (*Fresh*) - ayam yang telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan tidak melebihi 5°C sebelum ianya dibekukan atau disejukkan. (Ayam-ayam ini tidak disejukan atau dibekukan sebelum daripada itu)
  - 5.2 Ayam Beku (*Frozen*) - ayam telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan antara -10°C hingga -25°C tetapi ayam tersebut tidak merupakan ayam yang dibekukan semula (*refreezing*).
6. Pembekal hendaklah mengesahkan bahawa ayam-ayam tersebut telah disembelih dan diproses dengan cara yang bersih dan mengikut peraturan Halal yang ditetapkan oleh JAKIM atau MAIN. Pembekal hendaklah mengemukakan Sijil Pengesahan Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM atau MAIN.
7. Ayam hendaklah bebas dari penyakit dan tidak disuntik dengan hormon

